



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

**SELASA, 19 MAC 2024**

**LAPORAN HARIAN**





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>KPWKM RANCANG ADAKAN KEMPEN KESEDARAN MASALAH MEROYAN</b>	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-rancang-adakan-kempen-kesedaran-masalah-meroyan/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-rancang-adakan-kempen-kesedaran-masalah-meroyan/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1224938/kempen-kesedaran-masalah-meroyan-diwujudkan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1224938/kempen-kesedaran-masalah-meroyan-diwujudkan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/cerita/nancy-shukri-jangan-biarkan-ibu-meroyan-bersendirian-di-rumah-BD12229976">https://thesun.my/cerita/nancy-shukri-jangan-biarkan-ibu-meroyan-bersendirian-di-rumah-BD12229976</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/avoid-leaving-mothers-experiencing-baby-blues-alone-home-nancy-462864">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/avoid-leaving-mothers-experiencing-baby-blues-alone-home-nancy-462864</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/216416/focus/national/dont-leave-mothers-with-baby-blues-alone---nancy">https://www.sinardaily.my/article/216416/focus/national/dont-leave-mothers-with-baby-blues-alone---nancy</a>	SINARDAILY.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280239">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280239</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://malaysiatribune.news/2024/03/18/kpwkm-rancang-adakan-kempen-khusus-tingkat-kesedaran-bahaya-ibu-meroyan/">https://malaysiatribune.news/2024/03/18/kpwkm-rancang-adakan-kempen-khusus-tingkat-kesedaran-bahaya-ibu-meroyan/</a>	MALAYSIATRIBUNE.NEWS
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-biarkan-ibu-meroyan-bersendirian-di-rumah-nancy-462878">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-biarkan-ibu-meroyan-bersendirian-di-rumah-nancy-462878</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/03/18/jangan-pandang-remeh-ibu-meroyan-nancy-shukri/">https://www.tvsarawak.my/2024/03/18/jangan-pandang-remeh-ibu-meroyan-nancy-shukri/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/minister-urges-vigilance-for-signs-of-baby-blues-syndrome/">https://www.newsarawaktribune.com.my/minister-urges-vigilance-for-signs-of-baby-blues-syndrome/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/18/my-little-remindear-hopes-to-help-parents-remember-what039s-really-dear-to-them">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/18/my-little-remindear-hopes-to-help-parents-remember-what039s-really-dear-to-them</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/18/important-for-relatives-to-recognise-signs-of-postpartum-depression-says-nancy-shukri">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/18/important-for-relatives-to-recognise-signs-of-postpartum-depression-says-nancy-shukri</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/03/18/family-members-should-be-aware-of-postpartum-depression-signs-says-women-minister/">https://www.theborneopost.com/2024/03/18/family-members-should-be-aware-of-postpartum-depression-signs-says-women-minister/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://thesun.my/local_news/nancy-avoid-leaving-mothers-experiencing-baby-blues-alone-at-home-EC12230051">https://thesun.my/local_news/nancy-avoid-leaving-mothers-experiencing-baby-blues-alone-at-home-EC12230051</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=zV6mkYZOCqA">https://www.youtube.com/watch?v=zV6mkYZOCqA</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/03/18/encourgaing-open-discussions-about-mental-health-awareness">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/03/18/encourgaing-open-discussions-about-mental-health-awareness</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/699786">https://www.malaysiakini.com/news/699786</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2280248">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2280248</a>	BERNAMA.COM



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/3/2024

<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071382/kenali-perubahan-sikap-ibu-lepas-bersalin-elak-kejadian-meroyan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071382/kenali-perubahan-sikap-ibu-lepas-bersalin-elak-kejadian-meroyan</a>	HMETRO.COM.MY
<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655210/berita/nasional/jangan-biarkan-ibu-meroyan-bersendirian-di-rumah---nancy">https://www.sinarharian.com.my/article/655210/berita/nasional/jangan-biarkan-ibu-meroyan-bersendirian-di-rumah---nancy</a>	SINARHARIAN.COM.MY
<a href="https://suarasarawak.my/jangan-biarkan-ibu-meroyan-bersendirian-di-rumah/">https://suarasarawak.my/jangan-biarkan-ibu-meroyan-bersendirian-di-rumah/</a>	SUARASARAWAK.MY
<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/18/pandang-serius-simptom-kemurungan-atau-meroyan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/18/pandang-serius-simptom-kemurungan-atau-meroyan</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>PENGUSAHA TASKA WAJIB PATUH GARIS PANDUAN PASTIKAN KESELAMATAN KANAK-KANAK</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280264">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280264</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2280303">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2280303</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/216426/focus/national/taska-operators-must-adhere-to-guidelines-to-ensure-childrens-safety---nancy">https://www.sinardaily.my/article/216426/focus/national/taska-operators-must-adhere-to-guidelines-to-ensure-childrens-safety---nancy</a>	SINARDAILY.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655235/berita/nasional/pengusaha-taska-wajib-patuh-garis-panduan-pastikan-keselamatan-anak-anak">https://www.sinarharian.com.my/article/655235/berita/nasional/pengusaha-taska-wajib-patuh-garis-panduan-pastikan-keselamatan-anak-anak</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengusaha-taska-wajib-patuh-garis-panduan-pastikan-keselamatan-kanakkanak-462879">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengusaha-taska-wajib-patuh-garis-panduan-pastikan-keselamatan-kanakkanak-462879</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/03/18/over-rm100000-in-federal-funding-approved-to-subsidise-taska-fees-in-swak-says-minister/">https://www.theborneopost.com/2024/03/18/over-rm100000-in-federal-funding-approved-to-subsidise-taska-fees-in-swak-says-minister/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/nationwide-childcare-centre-service-advocacy-programme-to-launch-in-april-2024/">https://www.newsarawaktribune.com.my/nationwide-childcare-centre-service-advocacy-programme-to-launch-in-april-2024/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pengusaha-taska-wajib-patuh-garis-panduan-pastikan-keselamatan-kanak-kanak/">https://www.buletintv3.my/nasional/pengusaha-taska-wajib-patuh-garis-panduan-pastikan-keselamatan-kanak-kanak/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/18/kpwkm-akan-laksana-program-advokasi-perkhidmatan-taman-asuhan-kanak-kanak">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/18/kpwkm-akan-laksana-program-advokasi-perkhidmatan-taman-asuhan-kanak-kanak</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/18/rm116220-untuk-subsidi-yuran-pengasuhan-kanak-kanak-di-sarawak">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/18/rm116220-untuk-subsidi-yuran-pengasuhan-kanak-kanak-di-sarawak</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.wilayahku.com.my/pengusaha-taska-wajib-patuh-garis-panduan-pastikan-keselamatan-kanak-kanak/">https://www.wilayahku.com.my/pengusaha-taska-wajib-patuh-garis-panduan-pastikan-keselamatan-kanak-kanak/</a>	WILAYAHKU.COM.MY
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/03/18/inisiatif-elak-kes-kematian-kanak-kanak-dalam-kenderaan/">https://www.tvsarawak.my/2024/03/18/inisiatif-elak-kes-kematian-kanak-kanak-dalam-kenderaan/</a>	TVSARAWAK.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>MENYANTUNI PENGHUNI RUMAH EHSAN DUNGUN</b>	
	<a href="https://umno-online.my/2024/03/18/menyantuni-penghuni-rumah-ehsan-dungun/">https://umno-online.my/2024/03/18/menyantuni-penghuni-rumah-ehsan-dungun/</a>	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>BERI KERAKYATAN AUTOMATIK UNTUK ANAK 'TERABAI' DIJAGA JKM</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/18/beri-kerakyatan-automatik-untuk-anak-terabai-dijaga-jkm/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/18/beri-kerakyatan-automatik-untuk-anak-terabai-dijaga-jkm/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/18/sarawak-minister-urges-federal-govt-to-accord-automatic-malaysian-citizenship-to-abandoned-children/124115">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/18/sarawak-minister-urges-federal-govt-to-accord-automatic-malaysian-citizenship-to-abandoned-children/124115</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/18/sarawak-mohon-anak-anak-di-bawah-jagaan-jkm-diberi-kewarganegaraan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/18/sarawak-mohon-anak-anak-di-bawah-jagaan-jkm-diberi-kewarganegaraan</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/18/grant-automatic-citizenship-to-abandoned-kids-under-jkm-says-swak/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/18/grant-automatic-citizenship-to-abandoned-kids-under-jkm-says-swak/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>PENGORBANAN ANGGOTA KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN DIHARGAI</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/18/pengorbanan-anggota-keselamatan-dan-penguatkuasaan-dihargai">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/18/pengorbanan-anggota-keselamatan-dan-penguatkuasaan-dihargai</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>ASAL MERAJUK LARI RUMAH</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655074/suara-sinar/analisis-sinar/asal-merajuk-lari-rumah">https://www.sinarharian.com.my/article/655074/suara-sinar/analisis-sinar/asal-merajuk-lari-rumah</a>	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>KANAK-KANAK GANGGU JEMAAH DI MASJID: APA HUKUM, TANGGUNGJAWAB KITA?</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/gaya-hidup/kanakkanak-ganggu-jemaah-di-masjid-apa-hukum-tanggungjawab-kita-462812">https://www.astroawani.com/gaya-hidup/kanakkanak-ganggu-jemaah-di-masjid-apa-hukum-tanggungjawab-kita-462812</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>IBU KELAR BAYI: SUSPEK MASIH DALAM PEMERHATIAN DOKTOR</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071289/ibu-kelar-bayi-suspek-masih-dalam-pemerhatian-doktor">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071289/ibu-kelar-bayi-suspek-masih-dalam-pemerhatian-doktor</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/18/kelar-bayi-ibu-masih-dalam-pemantauan-doktor/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/18/kelar-bayi-ibu-masih-dalam-pemantauan-doktor/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kelar-bayi-wanita-masih-dalam-pemerhatian-doktor/">https://www.buletintv3.my/nasional/kelar-bayi-wanita-masih-dalam-pemerhatian-doktor/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1027381/mum-who-allegedly-slashed-toddler-death-placed-under-observation-tampoi">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1027381/mum-who-allegedly-slashed-toddler-death-placed-under-observation-tampoi</a>	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>PEKERJA KEDAI MAKAN DIDAKWA ROGOL KEKASIH BAWAH UMUR</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/18/pekerja-kedai-makan-didakwa-rogol-kekasih-bawah-umur/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/18/pekerja-kedai-makan-didakwa-rogol-kekasih-bawah-umur/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/pekerja-kedai-makan-didakwa-rogol-kekasih-bawah-umur/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/pekerja-kedai-makan-didakwa-rogol-kekasih-bawah-umur/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/pembantu-kedai-makan-tak-mengaku-salah-rogol-tunang/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/pembantu-kedai-makan-tak-mengaku-salah-rogol-tunang/</a>	BULETINTV3.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>GANGGUAN SEKSUAL: POLIS MINTA DOKTOR PELATIH TAMPIL BUAT LAPORAN</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gangguan-seksual-polis-minta-doktor-pelatih-tampil-buat-laporan-462822">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gangguan-seksual-polis-minta-doktor-pelatih-tampil-buat-laporan-462822</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/18/lodge-reports-cops-urge-alleged-victims-of-sexual-harassment-at-ipoh-hospital/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/18/lodge-reports-cops-urge-alleged-victims-of-sexual-harassment-at-ipoh-hospital/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://thesun.my/local_news/police-urge-trainee-doctors-to-lodge-report-over-sexual-harassment-1C12230833">https://thesun.my/local_news/police-urge-trainee-doctors-to-lodge-report-over-sexual-harassment-1C12230833</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655158/berita/semasa/gangguan-seksual-polis-minta-doktor-pelatih-tampil-buat-laporan#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/655158/berita/semasa/gangguan-seksual-polis-minta-doktor-pelatih-tampil-buat-laporan#google_vignette</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071386/gangguan-seksual-hrpb-mangsa-diminta-adu-ikut-saluran-betul">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071386/gangguan-seksual-hrpb-mangsa-diminta-adu-ikut-saluran-betul</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225034/gangguan-seksual-di-hospital-kkm-perlukan-pengaduan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225034/gangguan-seksual-di-hospital-kkm-perlukan-pengaduan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/699754">https://www.malaysiakini.com/news/699754</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2280267">https://bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2280267</a>	BERNAMA.COM



TAJUK : BE AWARE OF POSTPARTUM DEPRESSION SIGNS, FAMILY MEMBERS URGED

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 19 MAC 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Be aware of postpartum depression signs, family members urged

**KUCHING:** Family members must be aware of the signs or indications of postpartum depression in mothers.

In giving this reminder, federal Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said one of the indicators of this condition is a sudden change in behaviour.

"We cannot take this matter lightly. The husband must be aware of the situation because we do not want it to affect other family members," she said when asked to comment about the tragedy in Pasir Gudang, Johor where an 18-month-old boy died after his mother slit his throat.

Nancy was met by reporters after attending an event at Borneo Cultures Museum here yesterday.

She pointed out that while postpartum depression was not a new thing, it would still be a worrisome subject if left unattended, posing danger to the mothers and their newborns.

"Although medication can help mothers to mitigate it, strong support from family members is far more important. The degree of depression may differ from one person to another; regardless, we still have to be very careful.

"This person (suffering from postpartum depression) cannot be left alone with the children



Nancy speaks to reporters. — Photo by Nur Shazreena Ali

as this can be dangerous. At that point, she may not have the capability to think in the right state of mind.

"That is why it is important for family members to be with the mother," she added.

Asked whether her ministry had any plan to carry out a campaign to raise awareness of postpartum depression, Nancy said she preferred collaborative efforts, which she deemed as being more effective.

"We'll see what kind of reminders that we can do. Nonetheless, we welcome initiatives that come from advocacy groups," she added.

On Sunday, Malay Mail reported that a mother, 32, was remanded for seven days after she allegedly slashed her 18-month-old son's throat.

The woman was said to have snapped a photo of the toddler in a pool of blood, and sent it to her husband via WhatsApp.



## KPWKM rancang adakan kempen kesedaran masalah meroyan

18 Mac 2024, 2:39pm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merancang mengadakan kempen khusus bagi meningkatkan kesedaran mengenai bahaya masalah meroyan dalam kalangan ibu baru bersalin.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kempen itu akan mensasarkan ahli keluarga terutama suami agar mereka lebih peka dengan perubahan sikap isteri dalam tempoh berpantang.

Menurutnya, kesedaran itu perlu berikutan banyak kes ibu meroyan yang ada menyebabkan kematian bayi mereka.

"Sebab itu, ahli keluarga terutama pasangan mesti mengambil tahu keadaan ibu selepas bersalin terutama melihat perubahan sikap atau pertuturannya.

"Itu sahaja cara untuk mengesan dari awal seseorang ibu itu mengalami masalah meroyan dan kesedaran harus ada kalangan keluarga terdekat bagi mengelak sesuatu yang lebih buruk berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Penyampaian Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-Kanak Taska dan Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Dalam Kenderaan Tahun 2024 di Auditorium Muzium Budaya Borneo, di sini, hari ini.

Nancy diminta mengulas kejadian seorang wanita berusia 32 tahun mengelar anak kandungnya iaitu bayi lelaki berusia setahun enam bulan di sebuah kawasan perumahan, di Pasir Gudang, Johor, kelmarin.

Menurutnya, berdasarkan laporan polis, wanita terbabit didapati berubah sikap menjadi pendiam beberapa hari sebelum kejadian tragis itu.

"Wanita itu juga dikatakan merasakan ada orang cuba melakukan sesuatu terhadapnya dan itulah tanda-tanda meroyan yang berlaku terhadap ibu yang baru bersalin.

"Meroyan ini sebenarnya sudah lama berlaku dalam masyarakat kita, sebab itu kini kita harus meningkatkan kesedaran terutamanya mengesan tanda itu dari awal bagi mengelak kejadian lebih buruk berlaku," katanya.

Sementara itu, Nancy berkata, KPWKM melancarkan Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Berdaftar.

Antara lain, garis panduan itu menyatakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga hendaklah memaklumkan ketidakhadiran atau kelewatan penghantaran anak ke TASKA dalam tempoh 30 minit dari waktu sepatutnya di hantar ke TASKA.


"Ibu bapa dan pengusaha perlu mempunyai hubungan komunikasi yang baik untuk memastikan maklumat keberadaan kanak-kanak dapat disampaikan.

"Pemakluman keberadaan kanak-kanak kepada ibu bapa boleh dibuat sama ada melalui panggilan telefon atau pesanan ringkas melalui media sosial seperti WhatsApp atau Telegram selewat-lewatnya dalam tempoh 30 minit dari waktu kanak-kanak sepatutnya sampai ke TASKA," katanya.

Langkah ini katanya bertujuan mencegah ibu bapa terlupa dan sentiasa cakna tentang keberadaan kanak-kanak di TASKA.

"Kita sering dikejutkan dengan berita kejadian tertinggal anak di dalam kereta dan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari tahun 2020 hingga Februari 2024 menunjukkan sebanyak 12 kes yang menyebabkan kematian kanak-kanak di dalam kenderaan direkodkan.

"Daripada jumlah itu, tiga kes berlaku pada tahun 2020, dua kes pada tahun 2021, lima kes pada tahun 2023 dan dua kes tahun 2024," katanya.



TAJUK :	KPWKM AKAN LAKSANA PROGRAM ADVOKSI PERKHIDMATAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	19 MAC 2024	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# KPWKM akan laksana Program Advokasi Perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-Kanak

**KUCHING:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan melaksanakan Program Advokasi Perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-Kanak di seluruh negara mulai April 2024.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, program ini dilaksanakan sebagai salah satu usaha bagi membendung kes kematian kanak-kanak dalam kenderaan di negara ini.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari tahun 2020 hingga Februari 2024 katanya, sebanyak 12 kes kematian kanak-kanak di dalam kenderaan direkodkan.

“Bagi memastikan kejadian meninggalkan anak-anak di dalam kereta sehingga meragut nyawa tidak berulang, kita di KP-

WKM sentiasa berusaha melaksanakan beberapa inisiatif.

“Antaranya seperti meningkatkan kesedaran dan memberi peringatan melalui media massa, memperkasakan kempen kesedaran dalam kalangan ibu bapa termasuk pelaksanaan Program Advokasi Perkhidmatan Taska,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-Kanak Taska dan Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Dalam Kenderaan 2024 di Auditorium Muzium Budaya Borneo di sini, semalam.

Menurut Nancy pelaksanaan program atau kempen ini memerlukan sokongan berterusan semua pihak sama ada kerajaan mahupun masyarakat.

“Semua pihak perlu

memainkan peranan masing-masing bagi menangani permasalahan ini khususnya ibu bapa.

“Malah kita juga akan sentiasa menjalinkan kolaboratif yang aktif dan berkongsi maklumat bersama agensi lain seperti PDRM, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta agensi kerajaan yang lain dan swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi meningkatkan kesedaran awam agar ibu bapa tidak meninggalkan anak-anak dalam kereta sehingga menyebabkan kematian, ujaninya.

Selain usaha itu, katanya JKJ juga telah mewujudkan Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak di Taska Berdaftar.


“Garis panduan ini telah dikeluarkan dan mula berkuat kuasa pada 1 Janu-

ari tahun ini yang bertindak sebagai panduan kepada pengusaha taska berdaftar dalam memastikan keselamatan kanak-kanak sentiasa diutamakan.

“Garis panduan ini antara lain menyatakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga memaklumkan ketidakhadiran atau kewatan menghantar anak ke taska dalam tempoh 30 minit dari masa mereka sepatutnya tiba.

“Turut digariskan juga ialah pemakluman keberadaan kanak-kanak yang boleh dibuat sama ada melalui panggilan telefon atau pesanan ringkas selewat-lewatnya dalam tempoh 30 minit dari waktu anak-kanak sepatutnya sampai ke taska.

“Langkah ini bertujuan mengelak ibu bapa lupa dan sentiasa mengambil tahu tentang keberadaan anak-anak di taska,” katanya.



TAJUK : RM116,220 UNTUK SUBSIDI YURAN PENGASUHAN KANAK-KANAK DI SARAWAK

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 19 MAC 2024

M/SURAT : 01&02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## RM116,220 untuk subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di Sarawak



**KENANGAN:** Nancy bersama yang lain bergambar dengan penerima Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-Kanak Taska semalam.

**KUCHING:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) meluluskan peruntukan sebanyak RM116,220 untuk subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak taska di Sarawak bagi tahun ini.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, seramai 54 kanak-kanak di 27 taska berdaftar yang layak akan mendapat manfaat daripada subsidi tersebut.

Menurutnya, subsidi itu diberikan bagi meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah selain menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk mendapat asuhan dan didikan awal yang

lebih baik di taska.

"Kita amat mengalu-alukan mana-mana ibu bapa atau penjaga yang menghantar anak ke taska berdaftar yang berkelayakan untuk membuat permohonan subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian yang berhampiran.

"Ini kerana kadar maksimum subsidi diberikan adalah sebanyak RM180 sebulan bagi seorang kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-Kanak Taska dan Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Dalam

Kenderaan 2024 di Auditorium Muzium Budaya Borneo di sini, semalam.

Bagaimanapun, Nancy berkata, sekiranya yuran pengasuhan kanak-kanak lebih rendah daripada kadar subsidi, maka subsidi itu diberi mengikut kadar yuran sebenar.

"Sebaliknya, jika yuran pengasuhan kanak-kanak lebih tinggi daripada kadar subsidi, maka lebihan perbezaan yuran tersebut adalah di bawah tanggungan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang berkenaan," katanya.

## RM116,220 untuk subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di Sarawak

**Dari Muka 1**

Bagi Insentif Taska Komuniti (TASKOM) pula katanya, sebanyak RM8,640 peruntukan subsidi telah diluluskan di Sarawak tahun ini.

Peruntukan itu katanya, akan memberi manfaat ke-


pada empat kanak-kanak yang belajar di TASKOM.

"Untuk makluman, kerajaan turut menyediakan subsidi yuran pengasuhan sebanyak RM180 sebulan kepada ibu bapa atau penjaga yang menghantar anak ke TASKOM yang berpen-

dapatan bawah RM5,000 sebulan," katanya.

Dengan semua subsidi yang diluluskan, beliau menggesa semua pengusaha taska untuk sentiasa mematuhi syarat sebagai taska berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.





## PENGUSAHA TASKA WAJIB PATUH GARIS PANDUAN PASTIKAN KESELAMATAN KANAK- KANAK



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri (tengah) pada majlis Kempen Keselamatan Kanak-Kanak dalam Kenderaan, hari ini.

18/03/2024 05:28 PM

KUCHING, 18 Mac (Bernama) – Pengusaha Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) yang berdaftar diwajibkan mematuhi garis panduan dalam Program Advokasi Perkhidmatan Taska bagi memastikan keselamatan kanak-kanak sentiasa diutamakan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Nancy Shukri berkata antara garis panduan itu adalah ibu bapa atau penjaga perlu memaklumkan ketidakhadiran atau kelewatan anak ke taska dalam tempoh 30 minit dari waktu sepatutnya dihantar.

"Ibu bapa dan pengusaha perlu mempunyai hubungan komunikasi yang baik untuk memastikan maklumat keberadaan kanak-kanak dapat disampaikan.


"Pemakluman keberadaan kanak-kanak kepada ibu bapa boleh dibuat sama ada melalui panggilan telefon atau pesanan ringkas, bertujuan mencegah ibu bapa daripada lupa dan sentiasa cakna tentang keberadaan kanak-kanak," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-Kanak Taska dan Kempen Keselamatan Kanak-kanak Dalam Kenderaan di sini hari ini.

Nancy berkata selain itu, setiap kanak-kanak di taska perlu mempunyai log harian yang wajib dikemas kini oleh pihak taska setiap hari.

"Pengusaha hendaklah membuat pengesahan dengan membuat catatan dalam log harian dan pemantauan berterusan sekurang-kurangnya sekali setiap minggu terhadap taska di bawah kawalannya," katanya sambil menambah usaha itu adalah untuk mengelakkan kejadian ibu bapa meninggalkan anak-anak di dalam kereta sehingga meragut nyawa.

Beliau berkata berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari 2020 hingga Feb 2024, sebanyak 12 kes kematian kanak-kanak ditinggalkan dalam kenderaan telah direkodkan.

"Daripada jumlah tersebut, tiga kes berlaku pada 2020, dua kes pada 2021 dan lima kes pada 2023 dan dua kes pada tahun ini," katanya.



## Menyantuni Penghuni Rumah Ehsan Dungun

📅 18 March 2024 📁 Berita Bergambar



DUNGUN 17 Mac– Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ketua Wanita UMNO Datuk Seri Dr Noraini Ahmad menyantuni penghuni Rumah Ehsan Dungun, Terengganu.

Rumah Ehsan ini mampu menempatkan seramai 120 orang penghuni dan mula beroperasi pada November 1999. Objektif penubuhan Rumah Ehsan ialah untuk memberikan rawatan dan penjagaan bagi warga emas yang uzur dan tidak berwaris agar dapat meneruskan kehidupan dalam suasana yang selesa dan tenteram.



TAJUK : KERAJAAN PERLU SEDIA PELBAGAI INISIATIF TINGKAT PERANAN WANITA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 MAC 2024

M/SURAT : 13

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

# Kerajaan perlu sedia pelbagai inisiatif tingkat peranan wanita

Mohd Ayop  
Abd Razid,  
Kuala Lumpur

**Berdasarkan** perangkaan Jabatan Statistik Tahun 2020, wanita mewakili 48.5 peratus penduduk negara ini. Justeru, selari dengan itu lebih banyak usaha perlu dibuat bagi mengagihkan peluang dan ruang sama rata kepada wanita untuk memajukan potensi diri.

Wanita perlu dilayan dan diberikan haknya secara adil selari dengan konsep Malaysia MADANI yang turut meletakkan usaha untuk memastikan golongan hawa tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) harus peka dan prihatin terhadap perkara ini supaya wanita tidak terbas dalam memperjuangkan hak mereka. Justeru, pendekatan secara komprehensif dalam memartabatkan wanita dalam bidang utama merangkumi ekonomi, pendidikan, kesihatan, kepimpinan, keselamatan dan perundangan perlu diperkukuhkan.

la bagaimanapun, perlu berteraskan kepada agama, budaya bangsa dan nilai murni seperti yang pernah digariskan KPWK dalam kerangka memperkasa wanita sebelum ini.

Teras itu penting supaya kesaksamaan yang diberikan kepada wanita tidak melampaui batas hingga boleh merosakkan diri, keluarga dan masyarakat. Memang kita boleh berbangga dengan semakin ramai wanita yang mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang. Namun, ketinggian akhlak dan moral wanita juga perlu dipelihara dan diperkasa. Kehidupan ini akan menjadi indah dan harmoni apabila wanita terpelihara tingkah laku dan akhlaknya.

Sehingga kini, sudah banyak yang dilakukan oleh kerajaan melalui kementerian terbabit sebagai usaha membela nasib wanita. Antaranya, inisiatif untuk menggalakkan wanita yang sebelum ini terpaksa berhenti kerja selepas tempoh cuti bersalin untuk menjaga anak diberi peluang

untuk kembali bekerja. Sudah tentu ia menjadi pemangkin dalam menyuntik semangat mereka supaya menjadi seorang ibu yang baik, namun dalam masa sama berjaya dalam kerjaya.

Demikian juga, inisiatif menubuhkan sebuah unit khas di bawah Bahagian D11, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membanteras aktiviti pornografi kanak-kanak dengan kerjasama KPWK. Ia dapat memperluaskan lagi bidang kuasa kementerian terbabit dalam menjaga kesejahteraan wanita keluarga dan masyarakat di negara ini.

## Optimumkan potensi wanita

KPKW juga banyak menerima peruntukan tahunan untuk digunakan bagi membantu dan membangun ekonomi wanita, termasuk membimbing mereka melalui kursus keusahawanan juga perniagaan seperti e-dagang, 'dropship', perniagaan kecil-kecilan yang bukan di bawah skim keusahawanan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Usaha ini dilihat dapat mengoptimumkan potensi wanita, khususnya mereka yang kehilangan pendapatan, kehilangan pencari nafkah utama keluarga dan juga ibu tunggal. Pasti dalam konteks semasa hari ini, inisiatif ini selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Sebelum ini, usaha awal seperti menyasarkan 30 peratus wanita dilantik pada peringkat pembuat keputusan di sektor awam sudah mencapai sasaran, manakala di sektor swasta ia mencatat 25.8 peratus. Demikian juga jurang dalam pendidikan dan kesihatan untuk wanita turut menunjukkan peningkatan, termasuklah pembantuan wanita dalam beberapa bidang lain seperti ekonomi dan politik, walaupun ia masih perlu dipertingkatkan lagi pencapaiannya.

Apa yang penting kerajaan perlu terus meran-


cang penyelarasan dan koordinasi antara pelbagai pihak untuk meningkatkan pembangunan dan pencapaian wanita, terutama dalam bidang yang belum mencapai sasarannya. KPWK harus mempertingkatkan pelbagai usaha bagi memastikan pencapaian wanita di negara ini terus meningkat.

Agensi di bawahnya, iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mesti melipatkan program kepimpinan dalam bentuk latihan, advokasi dan pelbagai pendedahan melalui forum, seminar dan konvensyen bagi memberi kesedaran dan meningkatkan potensi serta kemampuan wanita terutama dalam aspek kepimpinan, pengurusan, kewangan dan pembuat keputusan.

Selain itu, Yayasan Kepimpinan Wanita (WLF) perlu memainkan peranan lebih besar lagi dalam mencipta peluang melalui penyusunan strategi, pembangunan dan bimbingan kepada pemimpin wanita, selain mempertingkatkan usaha mengenal pasti bakat keusahawanan, selain melatih mereka untuk berfikir luas dalam dunia keusahawanan.

Dari masa ke semasa, penambahbaikan juga harus dibuat terhadap Dasar Wanita Negara (DWN) supaya matlamat untuk memelihara kepentingan wanita dapat dicapai melalui ekosistem yang holistik dan inklusif. Semua pihak harus mendukung DWN melalui jaringan kolaborasi strategik antara semua agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, masyarakat sivil, individu dan badan antarabangsa bagi mencapai matlamat memartabatkan juga memberikan kesaksamaan kepada wanita.

Dalam kerangka yang lebih besar peranan kerajaan memastikan wanita terus melangkah ke depan perlu dipertingkatkan dengan menyediakan pelbagai inisiatif. Ia turut menjadi pemangkin utama dalam usaha meletakkan wanita pada kedudukan baik yang membolehkan kemakmuran dan kekayaan negara dapat dikongsi dengan cara adil lagi saksama.



TAJUK : EXEMPTION SOUGHT GOT KIDS UNDER STATE CARE

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 19 MAC 2024

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Exemption sought for kids under state care

Putrajaya asked to give special citizenship consideration to 'stateless' children cared for by JKM



Kentigern Minggu  
kentigern@theborneopost.com

**KUCHING:** Special consideration should be given to 'stateless' children under the care of Welfare Department (JKM) institutions when it comes to the process of approving their citizenship application.

In voicing this out, Minister for Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah says granting citizenship is crucial in ensuring the future of these children and facilitating the adoption process.

"In our experience, it has shown that it is very difficult for our officers and staff in these welfare institutions to determine the biological parents of these abandoned children, despite the various efforts made.

"That is why, through the Special Committee for Citizenship under Article 15A of the Federal Constitution, we request that the children under the care of welfare institutions, especially those from cases like baby dumping, be given special consideration (in terms of citizenship application)," she told reporters here yesterday.

She was asked to comment on the proposed constitutional amendments related to citizenship matters announced by Home Affairs Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution.

Fatimah, who was met at the 'Sumbangsih Raya 2024' programme at Wisma Wanita here, said with such consideration, it would better facilitate the adoption process for these children under the care of welfare institutions.

"The adoptive parents should not need to bear the burden. They have good intentions to care for the neglected or abandoned children, and provide them with a better future.

"So that's why we're asking for special consideration on citizenship application," she said, adding that there are seven



... we request that the children under the care of welfare institutions, especially those from cases like baby dumping, be given special consideration.

Dato Sri Fatimah Abdullah

children under the care of JKM Sarawak-run welfare institutions whose applications for citizenship have been approved.

Fatimah said for these stateless children, it was difficult for them to access education, and their parents had to pay fees as the children were classified as 'foreigners'.

"That's why many stateless children cannot attend school, despite education being a natural right for all children," she said.

Several non-governmental organisations have expressed apprehension regarding the proposed amendments related to citizenship, saying they might eliminate existing safeguards for stateless children.

Experts have warned that the amendments could exacerbate the issue of statelessness among children in the country.

The suggested amendments, if enacted, would among other things subject abandoned children to discretionary citizenship, placing responsibility on the children to prove their parentage.



TAJUK :	SARAWAK MOHJON ANAK-ANAK DI BAWAH JAGAAN JKM DIBERI KEWARGANEGARAAN		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	19 MAC 2024	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



REAKSI: Fatimah bercakap kepada pemberita semasa ditemui di Dewan Utama Wisma Wanita di Kuching.

## Sarawak mohon anak-anak di bawah jagaan JKM diberi kewarganegaraan

**KUCHING:** Sarawak memohon pertimbangan khas diberikan kepada anak-anak di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk dianugerahkan status kewarganegaraan.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata penganugerahan status kewarganegaraan ini penting bagi memastikan masa depan anak-anak tersebut serta memudahkan proses pengambilan anak angkat.

“Pengalaman kita telah menunjukkan sangat sukar untuk pegawai dan kakitangan kami di institusi kebajikan ini untuk mengetahui siapa ibu bapa kandung anak-anak terbiar ini walaupun pelbagai usaha dijalankan.

“Sebab itu kita menerusi Jawatankuasa Khas Kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan meminta untuk anak-

anak jagaan institusi kebajikan ini terutama kes buang bayi misalnya, diberi pertimbangan khas,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita bagi mengulas mengenai pindaan perlembagaan berkaitan isu kewarganegaraan seperti yang diumumkan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution.

Ujar Fatimah, dengan penganugerahan status kewarganegaraan ini ia juga akan memudahkan proses pengambilan anak angkat oleh ibu bapa untuk anak-anak di institusi kebajikan.

Sebab dari segi kewarganegaraan katanya, sudah ditentukan dan ibu bapa angkat tidak perlu memikul masalah tersebut.


“Mereka punya niat yang baik mahu menjaga anak itu dan memberi masa depan yang lebih baik kepada anak-anak yang diabaikan atau dibuang itu.

“Jadi sebab itu kita minta pertimbangan khas supaya mereka ini dianugerahkan sebagai warganegara kerana jika tidak masalah itu dipikul oleh ibu bapa angkat,” katanya sambil menambah, terdapat tujuh kanak-kanak jagaan institusi kebajikan di bawah JKM Sarawak yang tidak memiliki kewarganegaraan dan telah diluluskan permohonan.

Ujar Fatimah lagi, beliau mahu melihat supaya kanak-kanak yang lahir di Negeri ini menikmati akses kepada pendidikan.

Tetapi bagi anak-anak tanpa kewarganegaraan, sukar untuk mereka mendapatkan akses pendidikan dan ibu bapa perlu membayar yuran sebagai warga asing.

Sebab itu katanya, ramai anak-anak tanpa kewarganegaraan tidak bersekolah sedangkan pendidikan adalah hak bagi semua kanak-kanak.



## Beri kerakyatan automatik untuk anak 'terabai' dijaga JKM

FMT Reporters - 18 Mar 2024, 07:51 PM

Menteri Sarawak Fatimah Abdullah menggesa 'pertimbangan khas' Putrajaya dalam kes bayi terbuang.



Menteri Sarawak, Fatimah Abdullah berkata ini penting bagi menjamin masa depan kanak-kanak berkenaan. (Gambar Facebook)

PETALING JAYA: Kerajaan Sarawak menggesa Putrajaya memberikan kerakyatan secara automatik kepada kanak-kanak terabai yang berada dalam jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Masyarakat Sarawak Fatimah Abdullah berkata ini penting bagi menjamin masa depan kanak-kanak berkenaan.

"Mengikut pengalaman kami, sangat sukar untuk pegawai dan kakitangan institusi kebajikan menentukan ibu bapa kandung kanak-kanak terabai, walaupun pelbagai usaha dilakukan.

"Disebabkan itu kami meminta supaya kanak-kanak di bawah jagaan institusi kewangan ini, khususnya bayi yang diabaikan, diberi pertimbangan khas," katanya menurut Borneo Post.

Fatimah berkata ini juga akan meringankan beban ibu bapa yang mengambil kanak-kanak berkenaan sebagai anak angkat, kerana tidak perlu melalui pelbagai halangan apabila membuat permohonan kerakyatan untuk anak berkenaan.

"Mereka mempunyai niat baik menjaga dan memberikan masa depan lebih baik untuk anak yang terabai atau terbuang ini. Disebabkan itu kami meminta pertimbangan khas supaya mereka diberikan kerakyatan.

"Jika tidak masalah itu akan ditanggung ibu bapa angkat mereka," katanya.

Kerajaan berdepan tentangan selepas mencadangkan lapan pindaan terhadap peruntukan kewarganegaraan dalam Perlembagaan Persekutuan, yang turut termasuk pemberian kerakyatan kepada kanak-kanak tidak bernegara.

Pelbagai kumpulan mengkritik cadangan pindaan itu kerana dilihat mungkin menyukarkan permohonan kerakyatan untuk kanak-kanak tidak bernegara dan terbiar.

Bagaimanapun, Menteri Dalam Negeri Saifuddin Nasution Ismail menegaskan anak terbiar masih boleh didaftarkan sebagai warganegara asalkan kelahiran didaftarkan sebaik mereka ditemui.

Menurutnya, anak terbiar yang lebih besar juga boleh memohon kerakyatan mengikut Seksyen 15A Perlembagaan Persekutuan, yang memberikan Putrajaya "kuasa khas" untuk mendaftarkan sesiapa yang berusia bawah 21 tahun sebagai warganegara dalam keadaan khusus tertentu.



TAJUK : SUMBANGSIH 2024 PREPARES 12,000 FOOD PACKS FOR SECURITY, ENFORCEMENT STAFF ON DUTY DURING RAYA

HARI : SELASA AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 19 MAC 2024 M/SURAT : 02

TONE : POSITIF SEKTOR : KPWKM

## Sumbangsih 2024 prepares 12,000 food packs for security, enforcement staff on duty during Raya

**KUCHING:** The annual Sumbangsih programme carried out by the Women and Family Department Sarawak (JWKS) will have a total of 12,000 food packs arranged for distribution to security and enforcement personnel on duty during this Aidilfitri season.

For Sumbangsih Raya 2024, it involves 11 recipient agencies: Malaysian Armed Forces (ATM), Royal Malaysia Police (PDRM), Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA), Fire and Rescue Department (Bomba), Prisons Department, Immigration Department, Royal Malaysian Customs Department, Road Transport Department (JPJ), Civil Defence Force (APM), People's Volunteer Corps (Rela), and Sarawak Security and Enforcement Unit (UKPS).

This year marks the 34th year of the Sumbangsih Raya programme initiated by the former Women's Bureau - now known as the Women and Family Department Sarawak.

This programme is meant to express Sarawak government's concern, appreciation, and gratitude to the security and enforcement personnel on duty during Hari Raya Aidilfitri," said Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah when met during the Sumbangsih Raya 2024 programme at Wisma Wanita, here yesterday.

She was accompanied by her



Fatimah (third left) poses with the volunteers during the Sumbangsih Raya 2024 programme. — Photo by Agnes Tugong

deputy ministers Datuk Rosey Yunus and Datuk Mohamad Razi Sitam, as well as JWKS director Salmah Jobeli.

For this year's Sumbangsih contribution, each pack consists of 'serunding daging' (traditional beef floss), fruit cake, 'Kacang

Botak' (peanut snack), as well as three-in-one instant coffee and tea packets.

Adding on, Fatimah said the symbolic handing-over ceremony of the Sumbangsih Raya 2024 packs would take place at Wisma Bapa Malaysia

here tomorrow (March 20), to be officiated by Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

She also informed that visits to the recipient agencies could not be carried out due to certain circumstances.



TAJUK :	PENGORBANAN ANGGOTA KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN DIHARGAI		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	19 MAC 2024	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# Pengorbanan anggota keselamatan dan penguatkuasaan dihargai

Program Sumbangsih Raya diteruskan bagi hargai anggota keselamatan, penguatkuasaan bertugas semasa Aidilfitri



Oleh Agnes Tugong

**KUCHING:** Kerajaan Sarawak menerusi Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) meneruskan lagi Program Sumbangsih Raya tahun ini sebagai menghargai anggota-anggota keselamatan dan penguatkuasaan yang bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, tahun ini sebanyak 12,000 kontena Sumbangsih Raya akan diagihkan kepada 11 agensi penerima.

Agensi penerima terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM).

Turut menerima Jabatan

“Tahun ini merupakan tahun ke-34 Program Sumbangsih Raya diadakan oleh dahulunya Biro Wanita dan sekarang dikenali sebagai Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak.”

Dato Sri Fatimah Abdullah

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS).

“Tahun ini merupakan tahun ke-34 Program Sumbangsih Raya diadakan oleh dahulunya Biro Wanita dan sekarang dikenali sebagai Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak.

“Program ini diadakan bagi

menzahirkan tanda prihatin, penghargaan dan terima kasih Kerajaan Sarawak kepada anggota-anggota keselamatan dan penguatkuasaan yang bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pembungkusan Sumbangsih Raya 2024 di Dewan Utama Wisma Wanita di sini semalam.

Hadir sama dua timbalannya Datuk Rosey Yunus dan Datuk Mohammad Razi Sitam serta Pengarah JWKS Salmah Jobeli.

Dalam pada itu empat jenis

barang berupa makanan dan minuman disediakan bagi pembungkusan tersebut iaitu serunding daging, kek buah, kacang botak dan kopi serta teh tiga dalam satu.


Majlis simbolik penyerahan Sumbangsih Raya ini katanya, akan diadakan pada 20 Mac ini di Wisma Bapa Malaysia yang akan dihadiri Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Tahun ini kata Fatimah, sesi ziarah ke agensi-agensi penerima tidak akan dilaksanakan atas kekangan tertentu.

Bagaimanapun beliau berharap ia tidak akan menjejaskan objektif utama serta kemeriahan program ini dalam menghargai jasa dan sumbangan anggota-anggota pasukan keselamatan dan penguatkuasaan.

Untuk pembungkusan di Dewan Utama Wisma Wanita semalam, sebanyak 3,000 kontena disiapkan bersamaan dengan 100 kotak dalam masa satu jam.

**DIHARGAI:** Fatimah (tiga kiri) menunjukkan jenis makanan yang terkandung dalam kontena Sumbangsih Raya.



## Pengorbanan anggota keselamatan dan penguatkuasaan dihargai

© 2024-03-18T16:36:08:00

Program Sumbangsih Raya diteruskan bagi hargai anggota keselamatan, penguatkuasaan bertugas semasa Aidilfitri



Fatimah (tiga kiri) menunjukkan jenis makanan yang terkandung dalam kontena Sumbangsih Raya.

KUCHING: Kerajaan Sarawak menerusi Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) meneruskan lagi Program Sumbangsih Raya tahun ini sebagai menghargai anggota-anggota keselamatan dan penguatkuasaan yang bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, tahun ini sebanyak 12,000 kontena Sumbangsih Raya akan diagihkan kepada 11 agensi penerima.

Agensi penerima terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM).

Turut menerima Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS).

“Tahun ini merupakan tahun ke-34 Program Sumbangsih Raya diadakan oleh dahulunya Biro Wanita dan sekarang dikenali sebagai Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak.

“Program ini diadakan bagi menzahirkan tanda prihatin, penghargaan dan terima kasih Kerajaan Sarawak kepada anggota-anggota keselamatan dan penguatkuasaan yang bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pembungkusan Sumbangsih Raya 2024 di Dewan Utama Wisma Wanita di sini hari ini.

Hadir sama dua timbalannya Datuk Rosey Yunus dan Datuk Mohammad Razi Sitam serta Pengarah JWKS Salmah Jobeli.

Dalam pada itu empat jenis barangan berupa makanan dan minuman disediakan bagi pembungkusan tersebut iaitu serunding daging, kek buah, kacang botak dan kopi serta teh tiga dalam satu.

Majlis simbolik penyerahan Sumbangsih Raya ini katanya, akan diadakan pada 20 Mac ini di Wisma Bapa Malaysia yang akan dihadiri Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Tahun ini kata Fatimah, sesi ziarah ke agensi-agensi penerima tidak akan dilaksanakan atas kekangan tertentu.

Bagaimanapun beliau berharap ia tidak akan menjejaskan objektif utama serta kemeriahan program ini dalam menghargai jasa dan sumbangan anggota-anggota pasukan keselamatan dan penguatkuasaan.

Untuk pembungkusan di Dewan Utama Wisma Wanita hari ini, sebanyak 3,000 kontena disiapkan bersamaan dengan 100 kotak dalam masa satu jam.



TAJUK : IBU BAPA DIINGATKAN TIDAK ABAI ANAK-ANAK DALAM KESIBUKAN BUAT PERSEDIAAN AIDILFITRI

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 19 MAC 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



**UNTUK ALBUM:** Fatimah (berdiri lima kiri, barisan kedua) merakam gambar bersama wakil agensi penerima Sumbangsih Raya 2024.

## Ibu bapa diingatkan tidak abai anak-anak dalam kesibukan buat persediaan Aidilfitri

**KUCHING:** Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah mengingatkan ibu bapa supaya tidak mengabaikan anak-anak dalam kesibukan membuat persediaan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Tegas Fatimah, pengabaian anak-anak sehingga mendatangkan bahaya boleh menyebabkan ibu bapa didenda meskipun tanpa niat.

"Saya teringat satu insiden bulan ini dan satu bulan lepas

di mana anak-anak istimewa kita terlepas keluar dari rumah dan tidak tahu jalan pulang ke rumah.

"Ini satu perkara yang sangat berbahaya bagi saya dan ibu bapa terutama yang mempunyai anak kecil istimewa harus pastikan anak-anak selamat dalam kesibukan membuat persediaan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Pembungkusan Sumbangsih Raya 2024 di

Dewan Utama Wisma Wanita di sini semalam.


Selain keselamatan anak-anak, Fatimah turut mengingatkan kaum wanita khususnya supaya tidak lalai, lupa dan leka soal keselamatan kebakaran semasa membuat kuih, kek dan penyediaan juadah berbuka puasa.

"Kita semua tahu, kaum wanita adalah yang paling sibuk sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri membuat persiapan kuih-muih, membersih rumah dan menyediakan juadah berbuka puasa.

"Tetapi jangan kita lalai, lupa dan leka dalam apa juga tugas yang kita buat bagi mengelak apa-apa insiden seperti kebakaran," katanya.

Fatimah turut menasihati kaum wanita supaya berbelanja secara berhemah dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri kerana masih ada hari-hari lain selepas Hari Raya Aidilfitri.

"Ini kerisauan saya dari segi kebakaran, keselamatan anak-anak dan berbelanja secara berhemah," katanya.



## Asal merajuk lari rumah

Oleh PUPE RAHAIZAD [Follow](#)

18 Mac 2024 08:50am **Masa membaca: 4 minit**



PDRM menerima 3,450 kes remaja melarikan diri dari rumah dalam tempoh tiga tahun dan kebanyakannya berusia antara 13 hingga 18 tahun.

"KALAU lari rumah, nak pergi mana?" Itu antara inti perbualan penulis dengan kawan-kawan selepas membaca berita seorang remaja perempuan yang dilaporkan hilang selepas disyaki lari dari rumahnya di Kuarters Hospital Temenggung Seri Maharaja di Kulai, Johor selepas merajuk enggan ke sekolah.

Ketua Polis Daerah Kulai, Superintenden Tan Seng Lee Hassan berkata, Nurul Aina Najwa Abdul Fatah, 16, kali terakhir dilihat pada jam 12.30 tengah malam di rumahnya pada 5 Mac lalu.

Di Putrajaya pula, Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner a Asmadi Abdul Azizi mengesahkan pihaknya menerima laporan berkaitan kehilangan seorang wanita berusia 20 tahun pada Rabu lalu.

Menurutnya, laporan dibuat bapa tiri wanita itu di Balai Polis Presint 11 selepas mendapati anaknya tiada di rumah dipercayai melarikan diri.

Jelasnya, wanita itu dipercayai merajuk selepas ditunjal kepala ketika berlaku perselisihan faham antara keluarga.

Masalah lari dari rumah terutamanya dalam kalangan remaja sebenarnya bukanlah suatu hal yang baharu. Penulis sendiri pernah berdepan dengan masalah kawan-kawan sekolah yang lari rumah dan cuba menumpang di rumah penulis. Malangnya cubaan mereka selalunya gagal sebab bapak penulis tegas, lagipun rumah kami kecil. bilik dun berkonasi.

Anak penulis pun pernah cuba lari rumah, tumpang tidur rumah kawan, tapi balik juga...rumah sendiri lagi selesa katanya. Anak saudara penulis pun ada yang cuba lari rumah, merajuk sebab ibunya tidak bersetuju dia berkawan dengan seorang lelaki ini. Namun, dia pulang selepas dua malam tidur di rumah penulis, mungkin sebab mak saudara dia ini lagi banyak bebalnya.

Lari rumah bukan satu isu yang boleh dipandang ringan. Sudah terlalu banyak kes yang dilaporkan. Jika dilihat dari perspektif psikologi, masalah remaja lari dari rumah sering kali dikaitkan dengan proses kematangan otak remaja.

Pegawai Psikologi Unit Kaunseling Keluarga, Bahagian Pembangunan Keluarga, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Sarada Devi R Subramaniam meletakkan usia 11 hingga 18 tahun sebagai usia kritikal.

Maka itu, tingkah laku remaja dipengaruhi oleh emosi hingga menyebabkan mereka bertindak di luar kawalan. Tidak kira remaja lelaki atau perempuan, keinginan untuk lari dari rumah sememangnya ada dalam diri mereka.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Sistem Laporan Polis telah menerima 3,450 kes remaja melarikan diri dari rumah dalam tempoh tiga tahun sejak 1 Januari 2018 hingga 31 Januari 2021 dan kebanyakannya berusia antara 13 hingga 18 tahun.

Lebih mengejutkan apabila kira-kira 70 peratus atau 2,393 kes daripada jumlah tersebut membabitkan remaja perempuan manakala remaja lelaki sebanyak 1,057 kes.


Berdasarkan statistik oleh Jabatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak bermula dari tahun 2019 hingga 2022, kes lari dari rumah dalam kalangan remaja meningkat daripada 2,977 kes kepada 3,589 kes.

Sementara melalui kajian yang dilakukan terhadap 379 remaja yang lari dari rumah pada akhir tahun 2011 oleh Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), Profesor Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din mendapati sebahagian besar meletakkan tekanan sebagai faktor utama.

Faktor-faktor lain termasuk pengaruh kawan, inginkan kebebasan, bergaduh dengan keluarga, kebosanan dan kekurangan kasih sayang.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Asisten Komisioner Puan Siti Kamsiah Hassan, pelbagai usaha dilakukan PDRM bagi mengatasi isu remaja lari rumah seperti mewujudkan Sistem Amaran Awal Kehilangan Kanak-Kanak di bawah umur 12 tahun yang dikenali sebagai Nur Alert yang dilancarkan pada tahun 2007.

Besar harapan penulis agar dipermudahkan urusan pihak polis malah masyarakat dalam mengesan mereka yang hilang ini. Nasihat penulis kepada yang lari, pulanglah ke pangkuan keluarga, apatah lagi dalam bulan Ramadan yang mulia ini. Bagi ibu bapa pula, janganlah berkeras sangat dengan anak-anak. Banyakkan bersabar ya.



## Kanak-kanak ganggu jemaah di masjid: Apa hukum, tanggungjawab kita?

Sinar Harian  
Mac 18, 2024 13:04 MYT



Zulkifli berkata, jika kanak-kanak teramat kecil dan susah untuk dijaga serta mengganggu jemaah, maka lebih utama untuk tidak membawa mereka ke masjid. - Gambar hiasan/Sinar Harian

MINGGU ini riuh mengenai kejadian di mana kanak-kanak mengganggu solat yang sedang dilakukan jemaah di dalam masjid seperti yang viral di dalam media sosial.

Ada kanak-kanak yang menarik kerusi seorang jemaah sehingga dia terjatuh dan ada juga jemaah wanita yang kena pukul dengan kanak-kanak ketika sedang solat.

Perbuatan ini mendapat perhatian warganet sehingga ada yang berpendapat kanak-kanak sepatutnya tidak dibawa ke masjid, bahkan ada mengharamkan mereka daripada rumah ALLAH itu.

Selain itu, timbul banyak persoalan di sebalik kejadian-kejadian seumpamanya. Apakah hukum membawa kanak-kanak ke masjid? Siapakah yang bertanggungjawab menjaga mereka?

Persoalan-persoalan ini dijawab oleh Mantan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dalam laman web rasmi Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan yang bertajuk Bayan Linnas Siri Ke-63: Masjid dan kanak-kanak.

Menurutnya, sejarah telah membuktikan kanak-kanak telah dibawa ke masjid untuk diajarkan ibadah solat serta pembelajaran ilmu.

"Bahkan kanak-kanak perlulah dibawa ke masjid semenjak kecil supaya perasaan cintakan masjid serta cintakan solat berjemaah dapat dipupuk lebih awal dalam diri mereka," katanya.

### Hukum membawa kanak-kanak ke masjid

Zulkifli menjelaskan, para fuqaha membahagikan hukum membawa kanak-kanak ke masjid kepada dua:

1 - Kanak-kanak yang belum mumaiyiz (dapat membezakan sesuatu yang baik dengan yang buruk), dilarang atau tidak dibenarkan untuk dibawa ke masjid menurut sebahagian fuqaha Maliki, Hambali dan Syafie.

Ia berdasarkan hadis Rasulullah SAW: "Jauhilah masjid-masjid kalian daripada anak-anak kecil kalian." (Hadis Riwayat Al-Baihaqi)

2 - Kanak-kanak dibolehkan untuk hadir ke masjid sebagaimana pendapat Imam Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqalani, Imam Asy-Syaukani dan lain-lain berdasarkan hadis:

"Aku melihat Nabi mengimami solat sedang Baginda mendukung Umamah binti Abi al-As yang juga anak perempuan Zainab binti Rasulullah. Apabila rukuk, Baginda meletakkannya dan apabila bangun dari sujud Baginda mengangkatnya semula." (Hadis Riwayat Muslim)

Menurut Imam Asy-Syaukani, ia menunjukkan keharusan membawa masuk kanak-kanak ke dalam masjid.

Berdasarkan kedua-dua pendapat tersebut, Zulkifli merumuskan bahawa jika kanak-kanak teramat kecil dan susah untuk dijaga serta mengganggu jemaah, maka lebih utama untuk tidak membawa mereka ke masjid.

"Jika kanak-kanak tidak mengganggu namun dibimbangi oleh ibu bapanya akan keadaannya, maka boleh diletakkan di sebelah ibu bapanya. Kami syorkan dalam keadaan sebegini, ibu bapa untuk bersolat di tepi dinding (hujung saf) dan diletakkan anaknya di hujung sekali.

"Jika kanak-kanak mampu berdikari, aulanya (lebih utama) dia diletakkan di saf kanak-kanak.

"Seyogya juga wujudnya penyelia yang mengawasi dan membimbing kanak-kanak di dalam saf dan solat mereka agar kanak-kanak dapat melakukan solat dengan sebaik mungkin. Di samping itu, dia (penyelia) dapat menasihatkan kanak-kanak daripada berbuat bising dengan mengajarkan adab-adab dan meraikan kehormatan masjid," katanya.


Perkara sama turut dipersetujui pendakwah Ustaz Azhar Idrus dan beliau menerangkan kanak-kanak bermain di dalam masjid ini bukanlah perkara baharu dan ia telah berlaku sejak zaman Nabi Muhammad SAW.

"Kanak-kanak bermain di dalam masjid bukanlah perkara yang pelik dan ia sinonim dengan meraka yang suka bermain. Ke mana sahaja mereka pergi, mereka akan bermain termasuk di dalam masjid.

"Apa yang sepatutnya dilakukan oleh orang dewasa ialah menegur mereka. Walaupun mereka tidak mendengar teguran kita pada awalnya, namun mereka akan ingat teguran itu dan lama-kelamaan mereka akan berubah sedikit demi sedikit," katanya dalam sesi soal jawab yang disiarkan di akaun YouTube miliknya.

Beliau menjelaskan, teguran dan nasihat daripada orang dewasa perlu sentiasa dibuat seperti mana hadis Rasulullah SAW: "Agama itu nasihat." (Hadis Riwayat Muslim)

Tambahnya lagi, ibu bapa juga hendaklah memainkan peranan masing-masing dengan berpesan kepada anak-anak supaya tidak mengganggu jemaah lain yang sedang beribadah. - *Sinar Harian*



TAJUK : MUM UNDERGOES MENTAL EVALUATION

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 19 MAC 2024

M/SURAT : 11

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

# Mum undergoes mental evaluation

## Family members urged to be aware of postpartum depression after death of baby

By MOHD FARHAAN SHAH  
and SHARON LING  
[newsdesk@thestar.com.my](mailto:newsdesk@thestar.com.my)

**JOHOR BARU:** The woman who allegedly murdered her one-year-old son has been sent to Permai Hospital for one week for mental evaluation, says Ling Tian Soon.

The Johor health and environmental committee chairman said doctors will be assessing her mental state.

"What happened to her and her family is a huge tragedy," he said when contacted yesterday.

Ling, who is also Yong Peng assemblyman, said the tragedy highlights the importance of mental health.

He said having a sound mind is as equally important as having a fit and healthy body.

Ling urged those facing mental

health issues to immediately reach out for help from trained psychologists or counsellors.

"If you see a sudden change in behaviour of the people you know or loved ones, then they need help.

"Bring them to nearby health clinics, public hospitals or even government agencies that provide psychology support or counselling," he added.

Meanwhile, Seri Alam OCPD Supt Mohd Sohaimi Ishak said the 32-year-old suspect was sent to the hospital on the date of arrest on Saturday.

He said the toddler's cause of death was due to slit throat.

"The victim died in the living room of the family home," said Supt Mohd Sohaimi.

Police will soon be calling the neighbours to have their state-

ment recorded.

On Saturday, police arrested the suspect for allegedly murdering her son by slitting his throat at their home in Taman Cahaya Masai near Pasir Gudang.

Johor police chief Comm M. Kumar had said a report was lodged about the murder at around 1.30pm.

He said police also seized a knife at the scene.

"Early investigations found that the suspect had sent a picture of the deceased after the incident to her husband via WhatsApp," he said.

In response to the case, Datuk Seri Nancy Shukri called on family members to be aware of postpartum depression in mothers who have given birth to prevent unwanted incidents.

The Women, Family and

Community Development Minister said sudden changes in behaviour or speech could be an indicator that a mother is suffering from postpartum depression.

"We cannot take this lightly. The husband especially must be aware of the situation because we don't want it to affect other family members," she told reporters after handing over childcare fee subsidies and launching a child safety campaign in Kuching yesterday.

Nancy said postpartum depression is not new but could be worrying if left untreated.

"The degree of depression may differ from one person to another.

"Medication can mitigate the problem, but we still have to be very careful.

"This person cannot be left alone most of the time. It's impor-


tant for family members to be with the mother," she said.

Nancy also said her ministry would consider carrying out a campaign to raise awareness on postpartum depression.

"We'll see what kind of reminders we can do," she said, adding that private initiatives are also welcome.

Those in need of help and counselling can reach out to:

Mental Health Psychosocial Support Service (03-2935 9935 or 014-322 3392); Talian Kasih (15999 or WhatsApp 019-261 5999); Jakim's Family, Social and Community Care Centre (WhatsApp 0111-959 8214); and Befrienders Kuala Lumpur (03-7627 2929) or checkout [www.befrienders.org.my/centre-in-malaysia](http://www.befrienders.org.my/centre-in-malaysia) for a full list of numbers and operating hours.



TAJUK : DOKTOR AWASI SUSPEK

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 MAC 2024

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## IBU BUNUH ANAK SENDIRI

# Doktor awasi suspek

**Johor Bahru:** Seorang wanita yang mengelar bayi lelakinya berusia 18 bulan sehingga maut di Taman Cahaya Masai di sini pada Sabtu lalu masih dalam pemerhatian pihak doktor.

Ketua Polis Daerah Seri Alam Superintendan Mohd Sohaimi Ishak berkata, wanita berusia 32 tahun itu ditempatkan di Hospital Permai di sini sejak ditahan sejurus kejadian bagi tujuan pemeriksaan kesihatan.

“Suspek masih dalam pemerhatian doktor,” katanya ringkas ketika dihubungi pihak media, semalam.


Kelmarin, Mohd Sohaimi

mengesahkan punca kematian kanak-kanak terbabit adalah disebabkan luka kesan kelar di bahagian leher.

Ibu kandung bayi terbabit direman tujuh hari bermula semalam dan kes diasas mengikut peruntukan Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Dalam kejadian Sabtu lalu itu, wanita terbabit mengelar bayi lelakinya di rumah mereka dalam kejadian yang berlaku pada 1.30 tengah hari.

Wanita berkenaan turut menghantar gambar anaknya yang berlumuran darah pada leher melalui aplikasi WhatsApp kepada suaminya.



TAJUK : COPS URGE TRAINEE DOCTORS TO LODGE REPORT OVER ALLEGED SEXUAL HARASSMENT

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 19 MAC 2024

M/SURAT : 07

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## Cops urge trainee doctors to lodge report over alleged sexual harassment

**IPOH:** The police have urged any trainee doctors who were allegedly sexually harassed by a fellow doctor at Raja Permaisuri Bainun Hospital to lodge a police report.

Ipoh police chief ACP Yahaya Hassan said this would allow the case to be investigated transparently and in accordance to the law.

"We have yet to receive any report from any individual, whether the author of the letter or the trainee doctors who were allegedly harassed, and urge them to come forward and lodge a report at any police station.

"This is better than letting it viral on social media," he said when contacted yesterday.

Yahaya also assured those who lodged reports that their personal details would remain private and confidential.


"There's no need to worry, no need to fear. We guarantee whatever information about themselves who are allegedly victims will not be leaked to anyone," he said.

On March 16, Yahaya confirmed in a statement that police received a report from a 43-year-old male doctor who was allegedly involved in the sexual harassment case.

Meanwhile, Perak Human Resources, Health, Indian Community Affairs and National Integration Committee chairman A. Sivanesan said the victims must make an official written complaint to the Perak Health Department as a comprehensive investigation could only be conducted if the complaint was lodged through proper channels.

"For an investigation to be conducted, the employer must receive a written complaint. It must be from a complainant. Without a complainant, what can we investigate?

"If there's a problem with trainee doctors, you can lodge a complaint with the hospital. We will not cover it up because it's a serious criminal charge," he said after officiating at an event here yesterday. — Bernama



## Ibu kelar bayi: Suspek masih dalam pemerhatian doktor

Omar Ahmad  
am@hmetro.com.my



GAMBAR Hiasan

Johor Bahru: Wanita yang mengelar bayi lelakinya berusia 18 bulan sehingga maut di Taman Cahaya Masai di sini, kelmarin, masih dalam pemerhatian doktor.

Ketua Polis Daerah Seri Alam Superintendan Mohd Sohaimi Ishak berkata, wanita berusia 32 tahun itu ditempatkan di Hospital Permai di sini, sejak ditahan sejeurus kejadian, bagi tujuan pemeriksaan kesihatan.

"Suspek masih dalam pemerhatian doktor," katanya ringkas ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Mohd Sohaimi mengesahkan punca kematian kanak-kanak terbabit adalah disebabkan luka kesan kelar di bahagian leher.

Ibu kandung bayi terbabit direman tujuh hari bermula semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Dalam kejadian itu, wanita terbabit mengelar bayi lelakinya di rumah mereka pada 1.30 tengah hari.

Wanita berkenaan turut menghantar gambar anaknya yang berlumuran darah pada leher melalui aplikasi WhatsApp kepada suaminya.

Disiarkan pada: Mac 18, 2024 @ 1:56pm



## Pekerja kedai makan didakwa rogol kekasih bawah umur

Oleh ZARIFAH ZAHIRAH JUANIS 18 Mac 2024, 12:00 pm



MUHAMMAD KHIDZIR dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar hari ini selepas dituduh merogol kekasihnya yang juga gadis bawah umur, 5 Mac lalu.-Foto ZARIFAH ZAHIRAH JUANIS

[KOSMO!](#) [BERSEKUTUANG](#) [BERSEKUTUANG](#) [BERSEKUTUANG](#) [BERSEKUTUANG](#) [BERSEKUTUANG](#) [BERSEKUTUANG](#) [BERSEKUTUANG](#) [BERSEKUTUANG](#) [BERSEKUTUANG](#)

MUAR – Seorang pekerja kedai makan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan merogol seorang gadis bawah umur beramai-ramai, awal Mac lalu.

Tertuduh, Muhammad Khidzir Abu Seman, 23, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas dibacakan di hadapan Hakim Irwan Suaibon.


Mengikut pertuduhan, Muhammad Khidzir telah melakukan perbuatan keji tersebut di rumahnya pada pukul 6.30 petang, 5 Mac lalu.

Mahkamah menetapkan wang jaminan sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin dan perlu melapor diri di Balai Polis Parit Jawa setiap bulan dengan syarat tambahan tidak mengganggu mangsa sepanjang kes berlangsung.

Mahkamah turut menetapkan 3 April depan sebagai sebutan semula dan penyerahan dokumen.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tanpa paksaan kerana tertuduh dan mangsa yang berusia 15 tahun adalah pasangan kekasih yang telah lama menjalinkan hubungan.

Tertuduh telah direman pada 9 Mac yang lalu di rumahnya, selepas pengadu datang ke balai polis pada hari berikutnya untuk melaporkan pengadu telah dirogol, mangsa ini yang juga merupakan seorang gadis bawah umur.-KOSMO! ONLINE



TAJUK : GANGGUAN SEKSUAL: POLIS MINTA DOKTOR PELATIH TAMPIL BUAT LAPORAN

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 19 MAC 2024

M/SURAT : 13

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

# Gangguan seksual: Polis minta doktor pelatih tampil buat laporan

**IPOH:** Polis meminta mana-mana doktor pelatih yang mendakwa diganggu secara seksual oleh seorang doktor di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) dekat sini agar tampil membuat laporan.

Ketua Polis Daerah Ipoh Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata tindakan itu adalah bagi memastikan kes berkenaan dapat disiasat dengan telus dan berlandaskan perundangan.

“Setakat ini kita belum terima sebarang laporan daripada mana-mana individu sama ada penulis surat layang ataupun doktor-doktor pelatih yang mendakwa diganggu secara seksual.

“Pihak polis menggesa mereka supaya tampil buat laporan di mana-mana balai polis. Tindakan ini lebih wajar dilakukan daripada menu-larkannya di media sosial,” katanya ketika dihubungi Bernama di sini semalam.

Yahaya berkata pihaknya turut memberi jaminan maklumat diri individu yang

membuat laporan akan di-  
rahsaikan.

“Tak perlu khuatir, tak perlu takut. Kita beri jaminan bahawa apa sahaja maklumat berhubung diri mereka yang didakwa menjadi mangsa kita tidak akan bocorkan kepada mana-mana pihak,” katanya.

Pada 16 Mac lepas, Yahaya dalam kenyataan mengesahkan telah menerima laporan daripada seorang doktor lelaki berusia 43 tahun yang didakwa terlibat dalam kes gangguan seksual dan ugutan terhadap doktor pelatih di HRPB.

Terdahulu, tular surat layang dimuat naik dalam Facebook dan aplikasi X yang mendakwa doktor terbabit sering melakukan gangguan seksual terhadap doktor pelatih wanita khususnya di Jabatan Ortopedik, selain mengugut untuk memanjangkan tempoh latihan mereka.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal

Masyarakat India dan Integrasi Nasional negeri A. Sivanesan berkata mangsa perlu membuat aduan rasmi kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak.

Beliau berkata siasatan secara menyeluruh boleh dilakukan sekiranya aduan tersebut dibuat mengikut saluran ditetapkan.

“Bagi menjalankan siasatan itu majikan harus menerima aduan secara bertulis. Mesti ada (aduan) daripada seorang pengadu. Tanpa pengadu, apa hendak disiasat.

“Kalau ada masalah (membabitkan) doktor pelatih boleh membuat aduan di hospital. Kita tidak akan menutup (isu berkenaan) sebab ini ialah satu pertuduhan jenayah yang berat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan majlis penutup Program Pemeraksanaan Orang Asli anjuran Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) di Kampung Batu 10, Jalan Pahang di sini semalam. — Bernama



## Gangguan seksual: Polis minta doktor pelatih tampil buat laporan

Bernama

Mac 18, 2024 14:06 MYT



*Polis meminta mana-mana doktor pelatih yang mendakwa diganggu secara seksual oleh seorang doktor di Hospital Raja Permaisuri Bainun agar tampil membuat laporan. -Gambar fail/Bernama*

**IPOH:** Polis meminta mana-mana doktor pelatih yang mendakwa diganggu secara seksual oleh seorang doktor di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) dekat sini agar tampil membuat laporan.

Ketua Polis Daerah Ipoh Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata tindakan itu adalah bagi memastikan kes berkenaan dapat disiasat dengan telus dan berlandaskan perundangan.

"Setakat ini kita belum terima sebarang laporan daripada mana-mana individu sama ada penulis surat layang ataupun doktor-doktor pelatih yang mendakwa diganggu secara seksual.

"Pihak polis menggesa mereka supaya tampil buat laporan di mana-mana balai polis. Tindakan ini lebih wajar dilakukan daripada menularkannya di media sosial," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Yahaya berkata pihaknya turut memberi jaminan maklumat diri individu yang membuat laporan akan dirahsiakan.

"Tak perlu khuatir, tak perlu takut. Kita beri jaminan bahawa apa sahaja maklumat berhubung diri mereka yang didakwa menjadi mangsa kita tidak akan bocorkan kepada mana-mana pihak," katanya.

Pada 16 Mac lepas, Yahaya dalam kenyataan mengesahkan telah menerima laporan daripada seorang doktor lelaki berusia 43 tahun yang didakwa terlibat dalam kes gangguan seksual dan ugutan terhadap doktor pelatih di HRPB.

Terdahulu, tular surat layang dimuat naik dalam Facebook dan aplikasi X yang mendakwa doktor terbabit sering melakukan gangguan seksual terhadap doktor pelatih wanita khususnya di Jabatan Ortopedik, selain mengugut untuk memanjangkan tempoh latihan mereka.